

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.  
RAMLI [ LUMUT ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ LUMUT ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memelihara hutan paya bakau dan zon riparian bagi memastikan kelestarian alam sekitar dijaga dan sumber pendapatan nelayan pantai terjaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ekoran bencana tsunami yang melanda negara pada 26 Disember 2004, Kerajaan Persekutuan telah meningkatkan usaha untuk memelihara dan memulihara kawasan hutan paya laut di seluruh negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan jabatan serta agensi kerajaan yang berkaitan adalah seperti berikut:

- i) mempergiatkan usaha pemuliharaan ekosistem hutan paya laut dan pesisiran pantai negara melalui ‘Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara’ sejak 2006. Sehingga 31 September 2021, sebanyak 6.95 juta pokok berjaya di tanam dengan keluasan seluas 3,072 hektar di mana sebanyak 6.38 juta pokok adalah dari spesies pokok bakau dan 571 ribu pokok rhu serta lain-lain spesies;
- ii) melaksanakan kajian untuk mengenal pasti kaedah penanaman yang sesuai untuk memulihara kawasan pesisiran pantai. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah memperkenalkan teknik inovatif *Comp-Mat* dan *Comp-Pillow* sebagai kaedah penanaman terbaik untuk spesies pokok bakau dengan kadar kemandirian yang tinggi. Kajian ini turut membantu mengurangkan fenomena hakisan pantai negara yang serius;
- iii) mewartakan seluas 89,693 hektar kawasan hutan paya laut sebagai hutan simpanan kekal (HSK). Selain itu, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) juga telah mengenalpasti sejumlah 15,429 hektar lagi sebagai cadangan hutan simpanan kekal (CHSK) untuk hutan paya laut;

**SOALAN NO : 28**

- iv) sejak tahun 2010, Kerajaan Negeri Sabah telah mewartakan seluas 39,833 hektar kawasan hutan paya laut dan tanah lembap sebagai kawasan hutan simpan di bawah kelas Hutan Simpan Perlindungan (Kelas I) dan Hutan Simpan Bakau (Kelas V) sebagai langkah untuk memelihara hutan paya laut dan zon riparian;
- v) menjalin usaha sama dengan *International Society for Mangrove Ecosystems* (ISME), sebuah badan bukan kerajaan antarabangsa yang berpusat di Jepun di mana pihak ISME menyalurkan dana berjumlah 5.5 juta yen setiap tahun untuk tujuan restorasi hutan bakau terpilih di seluruh Sabah; dan
- vi) menjalin kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri serta syarikat-syarikat swasta di Sarawak untuk projek rehabilitasi hutan paya laut di Kuching Wetland National Park, Selabat, Buntal, Lundu, Simunjan, Kuala Rajang, Kuala Niah, Sibuti, Mukah dan Kuala Lawas.

Sekian, terima kasih.